



ALIMAN HASSAN (Lela Kencana)

Dilahirkan di Padang Jeringau, Kallang, Singapura pada 18 Januari 1932. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kota Raja (1939-1946), kemudian ke Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak (1949-1951). Lulus peperiksaan MCE pada tahun 1966, Peperiksaan HSC (1967) dan Kursus Peningkatan Taraf (Maktab Perguruan Singapura –TTC) pada tahun 1967.

Beliau pernah bertugas sebagai guru, Penolong Pensyarah (TTC), Penolong Nazir Khas (MOE) dan Penasihat Khas Bahasa dan Kesusasteraan Melayu (MOE), dan Pegawai Perhubungan Awam Kanan di MUIS.

Haji Aliman mula menulis dalam tahun 1950-an dalam bidang sajak, esei bahasa dan kesusasteraan, esei pendidikan, dan skrip drama. Selain daripada itu, beliau juga melukis. Antara karya yang dibukukan ialah Sekadar Pengisi Ruang (1993) dan Empat (2002). Karya-karya beliau juga termuat di dalam antologi Puisi Sembilan, Singapore Writing, Puisi-puisi Nusantara, dan Tiga Warna Bertemu.

Haji Aliman pernah bergerak cergas dalam pertubuhan Asas '50. Kesatuan Guru-guru Bahasa Melayu, Syarikat Kerjasama Guru-guru Melayu Singapura, Majlis Pusat, Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud dan Persatuan Seni Silat Setia Hati.

Beliau juga pernah menerima Pingat Berkebolehan (1986), Pingat Bakti Setia (1988), Jasawan Guru (KGMS, 1987), dan Anugerah Tun Seri Lanang (2001)